

Medan cungkil bakat inovasi pelajar

Lebih 200 produk teknologi hijau dipertandingkan sempena i-FINOG 2016 anjuran Universiti Malaysia Pahang

SINAR HARIAN (SENTRAL) 17 APR 2016 M/S 46

GAMBANG - Lebih 200 hasil penyelidikan teknologi hijau akan dipertandingkan pada International Festival Innovation On Green Technology (i-FINOG 2016) di Kompleks Sukan Universiti Malaysia Pahang (UMP) Gambang di sini selama dua hari bermula hari ini.

Naib Canselor UMP, Profesor Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim berkata, i-FINOG 2016 merupakan landasan mencungkil bakat pelajar dalam bidang penyelidikan dan inovasi serta mempertingkatkan kesedaran terhadap pemeliharaan alam sekitar untuk generasi akan datang melalui penghasilan produk teknologi hijau.

Menurutnya, pertandingan yang julung kali dianjurkan UMP itu turut menerima 17 penyertaan dalam kalangan murid sekolah, 32 pelajar sekolah menengah, 85 penuntut UMP dan 36 penuntut institusi pengajian tinggi (IPT) lain termasuk 13 penyertaan dari luar negara termasuk Korea dan Indonesia.

"Usaha ini dapat menzahir-



i-FINOG 2016 turut menerima penyertaan dari luar negara.

kan graduan holistik yang relevan dengan keperluan masyarakat dengan membudayakan teknologi dan keusahawanan melalui ekosistem universiti dinamik selaras Pelan Strategik UMP 2016-2020.

"UMP kini giat melaksanakan pelbagai program pendidikan dan penyelidikan yang lestari dalam membentuk kehidupan yang sihat dan kondusif serta mempertingkatkan kualiti persekitaran dan menilai tahap ke-

berkesanan penggunaan tenaga di sekitar kampus," katanya.

Program anjuran Kelab Ecotech dan Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (JHEPA) UMP itu mendapat kerjasama Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Kementerian Tenaga Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA).

Penganjurannya turut mendapat sokongan UMP

Advanced Education, Pusat Kecemerlangan Industri Bioteknologi, Pusat Kesihatan Pelajar, UMP Holding, UMP Ecopest, Malaysia Solar Resources, Ranhill Utilities Sdn Bhd, FPG Oleochemicals Sdn Bhd, Chromoscience Sdn Bhd dan I&P Group Sdn Bhd.

Sementara itu, Pengerusi program i-FINOG, Abdul Shukur Abd Razak berkata, pertandingan itu mendapat kerjasama baik daripada pihak



Sebahagian pelajar yang menyertai festival berkenaan yang bermula hari ini.

Malaysia Invention & Design Society (MINDS) dan Korea Invention Academy (KIA).

Menurutnya, tiga kategori utama dipertandingkan iaitu kategori Ingenuity Engineering Design For Social Life (IPT), Green Youth Inventor (sekolah menengah) dan Genius Creative Transformation untuk pelajar sekolah rendah.

"Terdapat 11 anugerah khas disediakan selain daripada penganugerahan pingat

emas, perak dan gangsa.

"Manakala pemenang i-FINOG Grand Prize Award bakal membawa pulang RM2,000," katanya.

Festival dimeriahkan dengan program Neon Nite Run dan Prezi Workshop yang menggunakan kaedah Prèzi untuk memberikan nilai tambah dan mencipta daya kreativiti pelajar menghasilkan persembahan yang menarik dalam pembentangan projek.